

10/01/1997

PM kunjungi Hashimoto

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjung rakan sejawatan dari Jepun, Ryutaro Hashimoto, untuk mengucapkan selamat jalan kepadanya selepas melawat Malaysia selama dua hari.

Perdana Menteri menghabiskan masa kira-kira 30 minit dengan Hashimoto yang berlepas ke Indonesia selepas itu.

Hashimoto yang tiba di sini semalam dengan 72 anggota rombongan mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir dan diikuti mesyuarat perwakilan semalam.

Perdana Menteri Jepun itu dalam rangka lawatan lima hari ke lima negara Asia Tenggara.

(END)